

31/01/1997

Pemilik boleh didakwa (HL)

Ahmad Zaini Kamaruzzaman; Hassan Omar

ALOR STAR, Khamis - Kerajaan akan menggubal undang-undang bagi membolehkan pemilik dan pengusaha pusat hiburan didakwa sebagai pengedar dadah jika pengunjung menjadikan premis mereka sebagai tempat kegiatan pengedaran atau penagihan dadah.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, undang-undang yang akan digubal tidak lama lagi itu bertujuan mencegah kegiatan penagihan dan pengedaran dadah, terutama pil khayal jenis Ecstasy di pusat hiburan.

Menurut Perdana Menteri, pemilik pusat hiburan perlu bertanggungjawab jika berlaku kegiatan berkenaan di tempat mereka.

Langkah itu juga bertujuan mengurangkan sikap mencari hiburan yang berlebihan di pusat hiburan sehingga pengunjung melakukan pelbagai perbuatan tidak senonoh.

"Tidak lama lagi kita akan jadikan tanggungjawab pemilik dan pengurus tempat ini (pusat hiburan), kalau ada tanda dadah digunakan di tempat mereka. Mereka akan dianggap sebagai terbabit dengan pengedaran," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Dr Mahathir tiba bersama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali untuk menghadiri majlis berbuka puasa bersama rakyat di kawasan Parlimen Kubang Pasu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa mengambil tindakan itu kerana ada pemilik pusat hiburan yang terbabit dengan pengedaran dadah seperti pil Ecstasy.

"Kita beri hak untuk orang berhibur tetapi kita dapati banyak tempat ini gunakan pil Ecstasy dan menari macam tidak ingat ... ini lebih daripada hiburan. Kalau tempat hiburan saja kita tidak peduli tetapi apabila terbabit dalam pengedaran pil Ecstasy, kita terpaksa ambil tindakan," katanya.

Sambil mengaku tindakan tegas kerajaan terhadap pengusaha pusat hiburan, termasuk arahan menghentikan kegiatan pada jam 12 tengah malam akan menjejaskan sedikit industri pelancongan, Dr Mahathir bagaimanapun berkata, ada sesetengah tempat yang dibuka sehingga 1 pagi dan pelancong asing boleh mengunjunginya.

Mengenai isu rampasan 2,800 batang balak di Teluk Wallace, Pulau Sebatik, Sabah, 17 Januari lalu, Perdana Menteri mengarahkan supaya tiada sesiapa mengeluarkan kenyataan sehingga siasatan selesai.

"Saya sudah berikan arahan tidak ada kenyataan yang patut dibuat oleh mana-mana pihak sehingga siasatan selesai. Badan Pencegah Rasuah (BPR) serta polis akan menjalankan siasatan.

"Saya sudah terima surat daripada Kementerian Perusahaan Utama serta Kerajaan Sabah dan semua surat itu saya serahkan kepada BPR ... selagi ia tidak selesai, saya tidak mahu buat komen apa-apa," katanya.

Beliau juga berkata, kemasukan pendatang asing tanpa izin ke negara ini mencapai tahap serius sehingga kerajaan terpaksa mengeluarkan kos yang banyak membiayai perbelanjaan makanan dan kem tahanan mereka.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan memberikan peluang kepada mereka mendapatkan pekerjaan di negara ini dengan syarat mereka harus mematuhi segala prosedur dan undang-undang.

(END)